

<Applicant Name>  
<Address 2>  
<Address 3>  
<Address 4>  
<Address 5>  
<Postcode> <City>

Tarikh: <insert date>

**No. Sijil:** : <Cert No>  
**Orang Yang Dilindungi** : <Person Name>  
**Tarikh Ulang Tahun Sijil Seterusnya** : <Next Certificate Anniversary Date>

### Pengkadar Semula Caruman Perubatan untuk <Current Plan Description> (<Current Plan Code>)

Kepada Pelanggan Yang Dihormati,

Terima kasih atas sokongan berterusan anda terhadap Zurich Takaful Malaysia Berhad ("ZTMB").

Kami memahami bahawa peningkatan kos perubatan dan penjagaan kesihatan di Malaysia semakin membimbangkan. Faktor-faktor utama, seperti peningkatan penyakit tidak berjangkit, perkembangan perkhidmatan kesihatan swasta, dan inflasi perubatan yang berterusan, telah memberi kesan ketara kepada sektor perubatan dan kesihatan.

Walaupun kami telah berusaha mengawal kos melalui pelbagai inisiatif, perbelanjaan perubatan terus meningkat setiap tahun. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk menyemak dan membandingkan tuntutan di pelbagai hospital serta menjalankan analisis terperinci terhadap bil perubatan bagi memastikan caj yang dikenakan adalah munasabah. Di ZTMB, kami komited untuk menyediakan perlindungan jangka panjang kepada anda. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, kami sentiasa memantau dengan teliti dan menguruskan caruman anda secara aktif bagi memastikan perlindungan perubatan anda mencukupi. Sehubungan itu, kami ingin memaklumkan bahawa kami akan menyemak semula caruman untuk pelan perubatan anda.

Berikutkan pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) pada 20 Disember 2024 mengenai pelaksanaan langkah interim untuk pelan perubatan, kami terus komited dalam membantu pemegang sijil menguruskan cabaran yang timbul akibat peningkatan kos penggunaan dan inflasi tuntutan perubatan.

Bagi memudahkan peralihan ini, peningkatan caruman anda akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima (5) tahun. Oleh sebab anda berumur 60 tahun ke atas dan berada dalam pelan terendah, kenaikan ini akan ditangguhkan selama satu tahun bagi memberi lebih masa untuk anda menyesuaikan diri.

Sila rujuk jadual di bawah untuk caruman perubatan baharu <payment mode description> seiring dengan umur dicapai anda.

Tahun	Umur di capai	Caruman Sedia Ada (RM) <sup>2 3</sup>	Caruman Baharu <sup>4</sup>			Tarikh Berkuat Kuasa Caruman Baru
			Peratusan Peningkatan (%)	Jumlah Peningkatan <sup>2</sup> (RM)	Jumlah Akhir <sup>2</sup> (RM)	
1	<Age at Anniversary>	<C-Amt1>	Ditangguhkan	Ditangguhkan	<Amt1>	<Effective Date1>
2	<Age+1>	<C-Amt2>	<Percent1%>	<Inc1>	<Amt2>	<Effective Date2>
3	<Age+2>	<C-Amt3>	<Percent2%>	<Inc2>	<Amt3>	<Effective Date3>
4 <sup>1</sup>	<Age+3>	<C-Amt4>	<Percent3%>	<Inc3>	<Amt4>	<Effective Date4>
5 <sup>1</sup>	<Age+4>	<C-Amt5>	<Percent4%>	<Inc4>	<Amt5>	<Effective Date5>
6 <sup>1</sup>	<Age+5>	<C-Amt6>	<Percent5%>	<Inc5>	<Amt6>	<Effective Date6>

<sup>1</sup> Kenaikan untuk tahun keempat dan seterusnya tertakluk kepada semakan berdasarkan keberkesanan langkah kawalan kos yang dilaksanakan

<sup>2</sup>Jumlah caruman yang dinyatakan tidak termasuk diskaun, sila hubungi Perancang Kewangan anda untuk mengetahui kelayakan anda. Termasuk bebanan dan cukai perkhidmatan, jika berkenaan.

<sup>3</sup>Mengikut terma sijil asal anda, **Caruman Sedia Ada dijangka meningkat** seiring dengan peningkatan usia.

<sup>4</sup>Peningkatan secara berperingkat dalam **Caruman Baharu** yang disemak tidak terpakai bagi peningkatan caruman yang berlaku akibat peningkatan usia.

Kami sentiasa memantau secara aktif pelan perubatan kami berbanding dengan kos perubatan dan penjagaan kesihatan bagi memastikan anda sentiasa mendapat perlindungan perubatan yang anda perlukan. Sekiranya terdapat sebarang pengkadaran semula caruman pada masa hadapan, kami akan menghubungi anda terdahulu di samping berusaha memastikan kadar caruman kekal mampu milik.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk lampiran berikut:

Lampiran 1: Soalan-soalan Lazim

Untuk jadual caruman tahunan yang terselaras dengan tarikh berkuat kuasa yang berbeza, sila layari <http://www.zurich.com.my/medica2015> untuk maklumat lanjut.

Jika anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 1-300-888-622 (Tekan #6 untuk pertanyaan mengenai penetapan semula harga perubatan), atau e-mel kepada [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my). Anda juga boleh menghubungi Perancang Kewangan anda, atau kunjungi cawangan ZTMB terdekat.

Terima kasih.

Yang benar,  
ZURICH TAKAFUL MALAYSIA BERHAD

**Fatihah Mustafa**

Ketua Pegawai Eksekutif

Perancang Kewangan	:	<WP Code> <Wealth Planner Name>
No. Telefon	:	<WP Contact No>
Ketua Pengurus Agensi	:	<CAM Code> <CAM Name>
Cawangan	:	<WP Branch Description>

Nota:

1. Kandungan surat pemberitahuan ini tidak mengambil kira sebarang perubahan sijil ini yang telah dibuat sejak [<notice print date>](#).
2. Untuk melihat kandungan surat dan soalan-soalan lazim dalam versi Bahasa Inggeris, sila layari <http://www.zurich.com.my/medica2015>. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
3. Sila log masuk ke portal pelanggan kami <http://MyZurichLife.com.my> atau imbas kod QR di bawah untuk melihat maklumat sijil anda.



<http://MyZurichLife.com.my>

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**

Ground Floor, Block B, Plaza Zurich, 12, Jalan Gelenggang, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
(bagi cawangan lain, sila layari laman web syarikat)

📞 1300-888-622 📩 [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my) 🌐 [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my) Portal pelanggan : [www.myzurichlife.com.my](http://www.myzurichlife.com.my)